



BENCANA MUSIM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 : SEKILAS DATA



7
NEGERI



21
DAERAH



101
PPS AKTIF



6,072
KELUARGA



18,156
MANGSA



0
KEMATIAN

* Data sehingga 25 November 2025 jam 12.00 tengah malam

PPS: Pusat Pemindahan Sementara

PERLIS	
Daerah	: 1
PPS Aktif	: 10
Keluarga	: 638
Mangsa	: 2,167

KEDAH	
Daerah	: 2
PPS Aktif	: 8
Keluarga	: 382
Mangsa	: 1,207

KELANTAN	
Daerah	: 4
PPS Aktif	: 40
Keluarga	: 3,635
Mangsa	: 9,972

PULAU PINANG	
Daerah	: 2
PPS Aktif	: 4
Keluarga	: 99
Mangsa	: 376

TERENGGANU	
Daerah	: 1
PPS Aktif	: 1
Keluarga	: 38
Mangsa	: 98

PERAK	
Daerah	: 6
PPS Aktif	: 23
Keluarga	: 690
Mangsa	: 2,217

SELANGOR	
Daerah	: 5
PPS Aktif	: 15
Keluarga	: 590
Mangsa	: 2,119

PETUNJUK

Sempadan Negeri

INDIKATOR MANGSA (ORANG)

1 – 1,000

1,001 – 5,000

Melebihi 5,000



PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JENIS BENCANA	DAERAH	PPS AKTIF	KELUARGA	MANGSA	TREND
Kelantan	Banjir 🏠🌊	Tumpat	13	1,997	5,089	Meningkat
		Kota Bharu	19	1,006	2,879	Meningkat
		Bachok	7	592	1,864	Meningkat
		Pasir Puteh	1	40	140	Tidak Berubah
	JUMLAH		40	3,635	9,972	Meningkat
Perak	Banjir 🏠🌊	Manjung	11	319	1,082	Meningkat
		Perak Tengah	6	243	728	Meningkat
		Hilir Perak	2	50	176	Meningkat
		Bagan Datuk	1	47	137	Baharu
		Larut, Matang & Selama	2	20	66	Meningkat
		Muallim	1	11	28	Baharu
	JUMLAH		23	690	2,217	Meningkat
Perlis	Banjir 🏠🌊	Perlis	10	638	2,167	Meningkat
	JUMLAH		10	638	2,167	Meningkat
Selangor	Banjir 🏠🌊	Kuala Selangor	3	234	994	Meningkat
		Petaling	3	135	454	Meningkat
		Klang	3	117	360	Meningkat
		Hulu Langat	3	68	194	Meningkat
		Sabak Bernam	3	36	117	Meningkat
	JUMLAH		15	590	2,119	Meningkat
Kedah	Banjir 🏠🌊	Kubang Pasu	6	306	936	Meningkat
		Kulim	2	76	271	Menurun
	JUMLAH		8	382	1,207	Meningkat
Pulau Pinang	Banjir 🏠🌊	Seberang Perai Utara	3	88	326	Menurun
		Seberang Perai Tengah	1	11	50	Tidak Berubah
	JUMLAH		4	99	376	Menurun
Terengganu	Banjir 🏠🌊	Besut	1	38	98	Menurun
	JUMLAH		1	38	98	Menurun
JUMLAH KESELURUHAN			101	6,072	18,156	Meningkat

* Trend: Perbandingan dengan data jam 8.00 malam



SITUASI TERKINI

- Sehingga **25 November 2025, jam 12.00 tengah malam**, terdapat **21 daerah** di **tujuh negeri** yang dilanda bencana dengan **peningkatan** jumlah mangsa kepada **18,156 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **10,131 mangsa** pada **24 November 2025**). Ia melibatkan **6,072 keluarga** yang ditempatkan di **101 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **meningkat** berbanding **51 PPS** pada **24 November 2025**.
- Tiga (3) daerah yang paling teruk terjejas** adalah di **Tumpat, Kelantan (5,089 mangsa)**, **Kota Bharu, Kelantan (2,879 mangsa)** dan **Perlis (2,167 mangsa)**.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Tiga (3) stesen meteorologi** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **24 November 2025** adalah **Gombak, Selangor (204.8 mm)**; **Dungun, Terengganu (193.6 mm)** dan **Padang Besar, Perlis (160.0 mm)**.
- Secara amnya, pada ketika ini timur dan utara Semenanjung Malaysia dipengaruhi angin timuran kencang sepanjang tempoh ramalan, manakala tengah dan selatan Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak menerima tiupan angin baratan.
- Vorteks (92W) kini berada di barat Filipina dijangka bergerak ke Barat - Barat Laut dan berpotensi sederhana bagi pembentukan siklon tropika dalam tempoh 24 jam akan datang. Manakala satu lagi vorteks (95B) kini berada di Selat Melaka dijangka bergerak ke Barat dan berpotensi rendah bagi pembentukan siklon tropika dalam tempoh 24 jam akan datang.
- Luruan monsun dijangka berterusan sehingga 26 November 2025 dan rantau Semenanjung Malaysia dijangka terus lembap sepanjang tempoh tersebut.
- Sehubungan itu, MET Malaysia telah mengemaskini Amaran Hujan Berterusan (Bahaya, Buruk dan Waspada) berkuat kuasa sehingga 26 November 2025 serta Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora sehingga 26 November 2025.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

- Pada 24 dan 25 November 2025, **empat Amaran Banjir** dan **dua Ramalan Awal Banjir** telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang melibatkan negeri **Kelantan, Kedah, Perlis, Selangor** dan **Pahang**.

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



IMPAK

- Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) melaporkan, sejak permulaan Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026 sehingga 24 November 2025, sebanyak empat (4) kejadian tanah runtuh direkodkan, iaitu tiga (3) di Selangor dan satu (1) di W.P. Kuala Lumpur. Senarai lokasi kejadian tanah runtuh melibatkan;
 - Kampung Orang Asli Bukit Lagong, Gombak
 - Lorong Setia 3, Kampung Setia, Gombak
 - Jalan Banglo, Batu Arang, Gombak
 - Seputeh – Taman United, Jalan Sepadu 7, Seputeh, Kuala Lumpur
- Pasukan Tindakbalas JMG Negeri terlibat diarah menjalankan tinjauan ke lokasi tanah runtuh berkenaan.
- Tiada kawasan berisiko tanah runtuh (hotspot) dilaporkan di kebanyakan daerah yang terjejas banjir di Kelantan, Perak, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Terengganu. Di Selangor, satu (1) kawasan berisiko dikenal pasti iaitu di Sungai Buloh, Petaling. Selain itu, tiada kejadian tanah runtuh baharu dilaporkan di semua daerah terlibat termasuk Kelantan, Perak, Perlis, Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Terengganu.
- Pelaporan JMG tidak meliputi jalan negeri/persekutuan dan lebuhraya.

Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

- Berdasarkan laporan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) melalui Portal Pengurusan Bencana JKR sehingga 24 November 2025, jam 12.00 tengah malam, sebanyak 54 jalan terjejas akibat banjir, 39 jalan terjejas akibat banjir kilat, lima (5) jalan mendap, 10 cerun runtuh, empat (4) jalan runtuh dan satu (1) jambatan rosak/runtuh.

Sumber : Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)



- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaporkan sebanyak 48 institusi pendidikan terjejas akibat banjir di beberapa negeri. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Kelantan (16 sekolah rendah, 3 sekolah menengah, 1 Kolej Vokasional dan 1 Permata), Perak (10 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Sabah (4 sekolah rendah), Perlis (3 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Kedah (3 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Selangor (3 sekolah rendah) dan Sarawak (1 sekolah rendah).
- Selain itu, 67 PPS premis sekolah telah dibuka bagi menempatkan mangsa banjir. Negeri terlibat ialah Kelantan (34 sekolah rendah, 2 sekolah menengah, 1 IPG), Perak (14 sekolah rendah), Perlis (4 sekolah rendah), Selangor (4 sekolah rendah), Kedah (3 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Pulau Pinang (3 sekolah rendah) dan Terengganu (1 sekolah rendah).
- Seramai 1,221 murid, 151 guru/Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) serta 315 pegawai terlibat secara keseluruhan. Pecahan mengikut negeri adalah Kelantan (1,234 orang), Perak (164 orang), Kedah (109 orang), Pulau Pinang (61 orang), Perlis (43 orang), Terengganu (40 orang) dan Selangor (36 orang).

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan sebanyak sembilan (9) fasiliti kesihatan terjejas akibat banjir yang melibatkan tiga (3) fasiliti di Kelantan, empat (4) di Perak dan dua (2) di Perlis. Daripada jumlah tersebut, tujuh (7) ialah Klinik Desa (KD), satu (1) Klinik Kesihatan (KK) dan satu (1) fasiliti fisioterapi. Sebanyak lapan (8) fasiliti tidak beroperasi, namun perkhidmatan telah dipindahkan ke fasiliti kesihatan terdekat yang tidak terjejas. Satu (1) fasiliti kesihatan masih beroperasi.
- Perkhidmatan dari fasiliti yang terjejas telah dialihkan ke fasiliti kesihatan berhampiran yang tidak terjejas bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kepada penduduk yang terlibat.
- Sebanyak 48 Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) telah digerakkan, terdiri daripada 16 *Rapid Response Team* (RRT) Perubatan dan 32 RRT Kesihatan. Pasukan ini ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) yang dibuka bagi menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dan kawalan penyakit kepada mangsa banjir.

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaporkan sebanyak lima (5) infrastruktur komunikasi dilaporkan terjejas akibat banjir di seluruh negara. Lokasi terlibat adalah seperti berikut: satu (1) infrastruktur di Wang Kelian, Padang Besar, Perlis yang terjejas akibat kejadian tanah runtuh; dua (2) di negeri Kedah; satu (1) di Perak; dan satu (1) di Terengganu.
- Sebagai langkah pemulihan dan sokongan komunikasi di kawasan terjejas, tiga (3) Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah selesai pemasangan Inisiatif WiFi percuma oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi, iaitu CelcomDigi di PPS Tapang, Kota Bharu; YTL di PPS SK Pauh Sembilan, Bachok; dan Maxis di PPS Kubang Batang, Tumpat, Kelantan. SKMM bersama syarikat telco akan terus memantau tahap liputan melalui JPBD/JPBN bagi memastikan gangguan perkhidmatan atau kesesakan talian dapat ditangani dengan segera.

Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

- Tenaga Nasional Berhad (TNB) melaporkan beberapa kawasan di empat (4) negeri mengalami pemutusan bekalan elektrik sebagai langkah keselamatan akibat banjir. Di Kedah, kawasan terlibat ialah Sekolah Yit Min di Jitra. Di Perlis, lokasi terjejas termasuk Frempro, Kg Rambai, Telekom Arau Guar Sanji, Rumah Pam Arau dan Masfloor Sdn. Bhd. Bagi negeri Perak, kawasan di Manjung yang terlibat ialah Taman Wira Idaman, Taman Mas dan Taman Desa Wira. Di Selangor pula, kawasan terlibat merangkumi Jalan Mantap di Klang serta Jalan Saujana Aman 1 dan 2 di Rawang. Tiada PPS dilaporkan terjejas bekalan elektrik.
- TNB telah mengambil tindakan segera dengan menyediakan genset di lokasi strategik serta memasang genset di kawasan yang dikenal pasti selamat bagi memastikan kesinambungan bekalan tenaga kepada premis penting dan operasi respons banjir.

Sumber : Tenaga Nasional Berhad (TNB)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGANSI KERAJAAN

- Pada 24 November 2025, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah membuat pemantauan pengendalian operasi Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026 di Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC), Pulau Meranti, Puchong. Beliau membuat tinjauan koordinasi pengurusan bencana di seluruh negara yang diselaraskan oleh NADMA.
- Semua Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Negeri dan Daerah telah diaktifkan bagi menyelaraskan pengurusan bencana di kawasan yang Terlibat.
- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) telah mengaktif dan mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Pusat pada 24 November 2025 bagi memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat dan mempergiat koordinasi dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) bagi negeri-negeri yang sedang dilanda banjir mengenai keperluan di lapangan supaya tindakan segera dapat diambil.
- NADMA juga bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri serta Angkatan Pertahanan Awam (APM) untuk memastikan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang terjejas banjir dapat hadir ke pusat peperiksaan atau dipindahkan ke asrama bagi membolehkan mereka menduduki peperiksaan.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan makanan kepada mangsa banjir di PPS dalam bentuk *packed food* dan penyediaan makanan secara gotong-royong. Selain itu, JKM turut menyalurkan barang keperluan asas, makanan *retort* serta keperluan tambahan seperti susu bayi mengikut keperluan mangsa. Keperluan makanan ini disimpan di depoh simpanan keperluan bencana, stor negeri, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, mini kontena dan pangkalan hadapan bagi memastikan bekalan mencukupi dan mudah diakses.
- Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan bantuan, JKM melaksanakan pendaftaran mangsa melalui Sistem InfoBencanaJKM (MyIBJKM) sebagai langkah penambahbaikan di PPS. Pendekatan ini memastikan pengagihan bantuan lebih teratur, telus dan memenuhi keperluan sebenar mangsa yang terjejas.



JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	KELANTAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	75	4x4/SUV/VAN: 10, AMBULANS/EMRS: 3, BOT: 6, LORI/FRT/LFRT: 5
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	80	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 3
		PASUKAN Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)	10	4x4/SUV/VAN: 2, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	436	4x4/SUV/VAN: 12, BOT: 12, LORI/FRT/LFRT: 10
		JABATAN BOMBA dan PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	12	4x4/SUV/VAN: 3, AMBULANS/EMRS: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	140	-
2.	PERAK	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	40	4x4/SUV/VAN: 6, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 3
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	28	4x4/SUV/VAN: 2, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	95	4x4/SUV/VAN: 24, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 6
		JABATAN BOMBA dan PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	88	4x4/SUV/VAN: 5, AMBULANS/EMRS: 2, BOT: 3, LORI/FRT/LFRT: 10
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	60	-
3.	PERLIS	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	30	4x4/SUV/VAN: 6, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	15	4x4/SUV/VAN: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	83	4x4/SUV/VAN: 18, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 10, MOTOKAR: 9
		JABATAN BOMBA dan PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	35	4x4/SUV/VAN: 7, AMBULANS/EMRS: 3, BOT: 7, LORI/FRT/LFRT: 12
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	12	-
4.	SELANGOR	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	16	4x4/SUV/VAN: 2, LORI/FRT/LFRT: 4
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	26	4x4/SUV/VAN: 5
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	148	4x4/SUV/VAN: 22, BOT: 21, LORI/FRT/LFRT: 9
		JABATAN BOMBA dan PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	66	4x4/SUV/VAN: 12, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 3, LORI/FRT/LFRT: 10
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	32	-



LAPORAN SITUASI SEMASA MTL 2025/2026 #03

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

25 NOVEMBER 2025

7

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
5.	KEDAH	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	14	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 2, MOTOSIKAL: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	13	4x4/SUV/VAN: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	45	4x4/SUV/VAN: 12, BOT: 23, LORI/FRT/LFRT: 4, MOTOKAR: 5
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	43	4x4/SUV/VAN: 6, AMBULANS/EMRS: 2, BOT: 7, LORI/FRT/LFRT: 7
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	26	-
6.	PULAU PINANG	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	38	4x4/SUV/VAN: 4, BOT: 6, LORI/FRT/LFRT: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	6	4x4/SUV/VAN: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	36	-
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	8	AMBULANS/EMRS: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	16	-
7.	TERENGGANU	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	18	4x4/SUV/VAN: 2, BOT: 1, MOTOSIKAL: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	5	4x4/SUV/VAN: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	6	-
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	42	4x4/SUV/VAN: 6, LORI/FRT/LFRT: 5
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	4	-
JUMLAH KESELURUHAN			1,837	• 4X4/SUV/VAN: 181 • AMBULANS/EMRS: 14 • BOT: 106 • LORI/ FRT/LFRT: 105 • MOTOKAR: 14 • MOTOSIKAL: 4